



## SIARAN MEDIA

### PROGRAM BERAMBEH DI KAMPUNG SANTUBONG : ‘SANTUNI WARISAN KITA’

---

**SANTUBONG, 5 Ogos 2023 – Program Berambeh di Kampung Santubong: ‘Santuni Warisan Kita’** telah dirasmikan oleh **YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara** hari ini yang merupakan salah satu pengisian sempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2023. Sambutan ini telah pun berlangsung di Kuching, Sarawak selama enam (6) hari bermula pada 31 Julai 2023 yang lalu.

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM) memilih Kampung Santubong sebagai lokasi untuk menyemarakkan semangat perpaduan melalui aktiviti kemasyarakatan bersama komuniti tempatan dan aktiviti permuziuman disamping mewujudkan jaringan kerjasama yang erat dalam kalangan warga muzium di seluruh Malaysia.

Antara pengisian program ini adalah seperti gotong royong, sumbangan Bakul Rahmah, sumbangan buku kepada Perpustakaan Desa Kampung Santubong, pameran, pemeriksaan kesihatan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, jualan produk-produk tempatan, pertandingan mewarna kanak-kanak dan banyak lagi aktiviti kemasyarakatan yang lain.

Dua (2) lokasi dipilih bagi aktiviti gotong royong iaitu Masjid Nurir Rahmani dan Dewan JKKK Kampung Santubong yang dilaksanakan Bersama masyarakat tempatan dan warga muzium. YB Menteri Perpaduan Negara turut berkesempatan mengadakan kunjungan mesra kepada beberapa buah rumah penduduk di Kampung Santubong disamping menyerahkan sumbangan Bakul Rahmah.

“Program ini adalah salah satu contoh program komuniti di peringkat Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang menjadi tapak interaksi sosial pelbagai kaum yang turut melibatkan jentera-jentera perpaduan di seluruh negara. Saya ingin menyeru kepada semua masyarakat agar dapat menghayati konsep

Perpaduan Dalam Kepelbagaian dan mengamalkan nilai toleransi dalam membina masyarakat MADANI yang bersatu padu dan berdaya saing. Kementerian Perpaduan Negara akan terus menganjurkan pelbagai program dan aktiviti sehingga ke peringkat akar umbi merentasi agama, etnik dan budaya dalam usaha mempromosi perpaduan pelbagai kaum”, ujar YB Datuk Aaron.

KPN komited untuk memperkasakan peranan KRT di peringkat akar umbi menerusi Kerjasama Kementerian dan agensi berkaitan. Penubuhan Jawatankuasa tertentu dalam KRT akan bertindak sebagai penggerak kepada pelaksanaan aktiviti berfokuskan kepada isu-isu dan penyelesaian masalah setempat serta bersesuaian dengan kumpulan sasar masing-masing serta memberikan perkhidmatan yang lebih menyeluruh terhadap keperluan dan kehendak semasa komuniti di setiap kawasan.

Turut hadir ke program ini ialah YB Datuk Dr. Abdul Rahman Junaidi, ADUN Pantai Damai, YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, YBrs. Pn. Nancy Hj. Jolhi, Pengarah Jabatan Muzium Sarawak dan Yang Berusaha Tuan Haji Suhaili Kipli, Penghulu Kampung Santubong. Program ini turut dihadiri oleh seramai 200 kontingen HMA yang mewakili muzium-muzium negeri/institusi seluruh negara serta 300 orang penduduk Kampung Santubong.

### **Kementerian Perpaduan Negara**

5 Ogos 2023

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.*

Dikeluarkan oleh:-      Unit Komunikasi Korporat  
                                  b.p.: Ketua Setiausaha  
                                  Kementerian Perpaduan Negara  
                                  Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
                                  E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 (28)